

MEMBANDING KESAN PENGGUNAAN KAEDAH PETA KONSEP DAN KAEDAH KONVENSIONAL DALAM PENGAJARAN CERPEN KOMSAS TINGKATAN SATU

Subdrafi Madhawa Nair

Rakbir Kaur

Universiti Utara Malaysia

Abstrak

Pembelajaran KOMSAS bertujuan untuk mementapkan penguasaan murid dalam bahasa Melayu namun banyak kajian memaparkan murid menghadapi masalah dalam pembelajaran KOMSAS dan guru juga kurang yakin dalam memilih kaedah yang sesuai untuk mengajar KOMSAS. Kertas kerja ini berasaskan kajian kuasi eksperimen yang membanding kesan penggunaan kaedah peta konsep dan kaedah konvensional dalam pembelajaran cerpen KOMSAS Tingkatan Satu. Kumpulan eksperimen diajar dengan menggunakan kaedah peta konsep dan kumpulan kawalan pula diajar dengan menggunakan kaedah konvensional. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti sama ada penggunaan kaedah peta konsep dapat membantu meningkatkan pencapaian pemahaman cerpen murid kumpulan eksperimen berbanding dengan murid kumpulan kawalan. Selain itu pengkaji juga memastikan sama ada terdapat peningkatan yang signifikan dalam minat kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan terhadap pembelajaran cerpen selepas pengajaran selama enam minggu. Sampel kajian terdiri daripada 72 orang murid Tingkatan Satu daripada dua buah sekolah menengah di daerah Kulim, Kedah, Darul Aman. Ujian-t (independent samples t- test) digunakan untuk menganalisis data. Dapatan kajian memperlihatkan penggunaan kaedah peta konsep mampu meningkatkan pencapaian murid kumpulan eksperimen bagi soalan tersurat, soalan tentang tema, soalan tentang persoalan,

soalan tentang perwatakan dan soalan latar masyarakat. Dapatan kajian ini juga menunjukkan minat murid kumpulan eksperimen terhadap pembelajaran cerpen meningkat secara signifikan berbanding dengan minat kumpulan kawalan. Kertas kerja ini juga memberi panduan kepada guru tentang cara melakar peta konsep dan cara merancang pengajaran cerpen dengan menggunakan peta konsep.

PENGENALAN

Komponen wajib Kesusasteraan Melayu (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia telah dilaksanakan di semua sekolah menengah (bagi Tingkatan 1 dan Tingkatan IV) mulai tahun 2000. Pada tahun 2001, komponen ini mula diuji dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia pada peringkat Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pelaksanaan komponen sastera ini bukanlah sesuatu yang baru tetapi merupakan lanjutan daripada unsur sastera dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia yang telah diperkenalkan pada tahun 1984.

Menurut Zahirah Abdul Aziz dan Kamaruzaman Abdullah (2001), komponen sastera dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia meliputi karya sastera yang berbentuk novel, cerpen, sajak, drama, cerita klasik, dan puisi lama iaitu pantun, syair, gurindam, seloka, dan bahasa berirama. Novel dan antologi sastera yang diperakukan oleh Kementerian Pendidikan hendaklah digunakan oleh guru dalam pengajaran KOMSAS (Kementerian Pendidikan, 2001).

Zahirah Abdul Aziz (2002) berpendapat pengajaran KOMSAS dapat meningkatkan penguasaan gaya bahasa murid melalui penggunaan perkataan, frasa, ayat dan bahasa perbandingan yang sesuai dan bermakna daripada pembacaan bagi menghasilkan penulisan kreatif atau sebuah karangan yang bermutu. Selain itu, pengajaran komponen sastera dapat memberi peluang dan menggalakkan murid mengenali dan membaca pelbagai genre sastera seperti novel, cerpen, drama, prosa tradisional, puisi tradisional dan sajak.

Ini bermakna secara tidak langsung, pelaksanaan KOMSAS akan dapat memartabatkan Kesusasteraan Melayu secara lebih meluas dalam kalangan murid dan rakyat Malaysia. A. Ghafar Ibrahim (2002) menegaskan KOMSAS membolehkan proses pengenerasian budaya sastera dalam kalangan remaja mulai tumbuh melata.

PENYATAAN MASALAH

Sejak pengenalan KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia¹ pelbagai masalah dihadapi oleh guru terutama tentang pemilihan kaedah yang sesuai untuk mengajar komponen sastera. Menurut Zahirah Aziz dan Kamaruzaman Abdullah (2001) antara masalah yang dihadapi oleh para guru ialah tidak mahir dengan istilah sastera sehingga mengganggu kelancaran pembelajaran dan pengajaran, dan guru bimbang KOMSAS menjadi subjek Kesusasteraan Melayu (elektif). Menurut Mohd Kasim Ismail (1995), guru Bahasa Malaysia juga tidak dapat mempelbagaikan teknik pengajaran KOMSAS dan ini menjejaskan prestasi murid. Masalah pengajaran yang stereotaip menyebabkan pembelajaran menjadi hambar dan membosankan. Justeru, kepelbagaian teknik pengajaran diperlukan untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran KOMSAS lebih menarik. Teknik dan aktiviti yang sesuai dengan objektif, isi pelajaran, dan tahap kumpulan² sasaran bertujuan untuk mencapai hasil pembelajaran yang maksimum. Minat murid terhadap KOMSAS memainkan peranan penting untuk meningkatkan pencapaian dan membantu murid menguasai KOMSAS dengan baik. Sebagai contoh, minat murid terhadap prosa moden terutamanya cerpen boleh menyebabkan pencapaian mereka terhadap genre tersebut meningkat. Saedah Siraj (1991) menyarankan agar guru memainkan peranan penting untuk merangsang minat murid bagi memastikan pencapaian murid dalam KOMSAS terus dapat ditingkatkan. Peningkatan tahap minat murid terhadap KOMSAS boleh dicapai jika guru mengamalkan kaedah pengajaran yang sesuai. Contohnya, aplikasi dan manipulasi genre sastera melalui media elektronik, perisian komputer, dan lakaran peta konsep dapat mengekalkan minat dan tumpuan murid terhadap genre tersebut. Justeru, guru KOMSAS harus mahir dalam penggunaan kaedah yang berpusatkan murid dan mewujudkan suasana pembelajaran yang aktif dan bermakna dalam kelas. Kaedah pengajaran yang berpusatkan murid bukan hanya dapat menarik minat murid terhadap KOMSAS malah dapat meningkatkan pemahaman mereka.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa terdapat pelbagai pendekatan dalam pengajaran dan pembelajaran KOMSAS. Antara pendekatan tersebut ialah pendekatan mengalami-menghayati, , pendekatan struktural, pendekatan berfokus, pendekatan model skema, pendekatan koperatif dan pendekatan konstruktivisme. Namun demikian, kaedah peta konsep kurang dipraktikkan oleh guru-guru dalam pengajaran KOMSAS.

Kajian Novak & Gowin (1984), Novak (1990), Mintzes, Wandersee dan Novak (2000) membuktikan penggunaan kaedah peta konsep dapat membantu murid dalam proses pembelajaran kerana murid dilatih menterjemahkan sesuatu teks atau butiran maklumat yang abstrak dalam bentuk grafik yang mudah difahami dan diingati isi kandungannya. Mengikuti kajian pengkaji tersebut penggunaan kaedah peta konsep ini bukan hanya sebagai instrumen atau alat pembelajaran tetapi juga sebagai sumber penilaian yang menggalakkan murid menggunakan corak pembelajaran bermakna.

Mengikuti dapatan kajian Alters dan Nelson (2002), Vanides, Yin, Tomita, dan Ruiz-Primo (2005), Asan (2007), Tirumalar (2005), Neelaveni (2010), Moganasundari, (2011), dan Villalon dan Calvo (2011) kaedah peta konsep dapat meningkatkan pencapaian akademik murid. Kaedah peta konsep juga dapat membantu murid menyusun maklumat dan mengesan idea yang penting dan yang kurang penting. Seterusnya murid dapat menyusun idea yang penting untuk membina pengetahuan yang baru. Menurut Novak (1990), dan Novak dan Wandersee (1991) penggunaan kaedah peta konsep dalam pengajaran dapat memberi satu kejutan positif kepada guru dan murid.

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesan penggunaan kaedah peta konsep Novak (1984) terhadap pencapaian cerpen KOMSAS dalam kalangan murid Tingkatan Satu. Pencapaian murid dalam cerpen KOMSAS diuji melalui soalan tersurat dan soalan tentang tema, persoalan, perwatakan, dan latar masyarakat. Selain itu objektif kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan dari segi minat murid kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan terhadap cerpen KOMSAS selepas pengajaran dengan menggunakan kaedah peta konsep.

HIPOTESIS KAJIAN

Enam hipotesis nol telah dibentuk dan diuji dalam kajian ini. Hipotesis tersebut adalah seperti berikut,

Ho 1: Tiada perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan bagi soalan tersurat.

- Ho 2: Tiada perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan bagi soalan tentang tema.
- Ho 3: Tiada perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan bagi soalan tentang persoalan.
- Ho 4: Tiada perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan bagi soalan tentang perwatakan.
- Ho 5: Tiada perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan bagi soalan tentang latar masyarakat.
- Ho 6: Tiada perbezaan yang signifikan antara skor min minat kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan terhadap pembelajaran cerpen.

KAEDAH PETA KONSEP NOVAK

Kaedah peta konsep Novak (1984) ialah suatu kaedah yang melibatkan murid secara aktif dalam pembelajaran. Kaedah ini juga berhubung dengan tiga teori pembelajaran iaitu teori pembelajaran bermakna, teori skema, dan teori konstruktivisme. Kaedah peta konsep menekankan bahawa pembinaan pengetahuan adalah bergantung pada pengetahuan sedia ada murid (teori skema). Murid membina konsep baru dalam struktur kognitif masing-masing dengan menghubungkan pengetahuan baru dengan pengetahuan sedia ada (teori konstruktivisme). Melalui lakaran konsep map hubungan antara satu konsep dengan konsep yang lain dapat dilihat dan difahami dengan jelas oleh murid (teori pembelajaran bermakna)

Mengikut Quinn, Mintzes dan Laws (2004), kaedah peta konsep menggambarkan perhubungan konsep dalam bentuk hierarki. Dalam lakaran peta konsep sesuatu konsep dinyatakan dalam bentuk istilah atau label konsep. Konsep dijalin secara bermakna dengan kata-kata penghubung sehingga dapat membentuk rumusan. Konsep juga disusun daripada yang umum kepada yang khusus. Konsep yang pertama lebih inklusif daripada konsep-konsep yang lain (Mason, 1992).

Kaedah peta konsep amat berguna dalam pengajaran dan pembelajaran cerpen KOMSAS untuk menyusun maklumat dengan

cara yang lebih teratur dan lancar. Melalui penggunaan kaedah peta konsep guru dapat meningkatkan kefahaman, minat, dan kreativiti murid. Oleh yang demikian di samping menggunakan kaedah peta konsep dalam pengajaran guru haruslah melatih murid melakar peta konsep. Aktiviti seumpama ini dapat menarik perhatian murid terhadap pengajaran guru dan meningkatkan pemikiran kritis dan kreatif murid.

Novak dan Canas (2006) telah menyarankan beberapa langkah untuk menghasilkan peta konsep secara sistematik. Berikut ialah langkah tersebut,


- a. Memilih dan menentukan suatu bahan bacaan. Bahan bacaan tersebut hendaklah dipilih daripada buku pelajaran atau sumber lain.
- b. Menyusun konsep yang relevan mengikut urutan iaitu dari yang paling umum kepada yang khusus diikuti dengan contoh-contoh yang sesuai, dan
- c. Konsep-konsep tersebut dilakarkan di atas kertas. Murid perlu menghubungkan konsep dengan kata penghubung tertentu yang ditulis di atas garis penghubung atau anak panah.

Dalam pengajaran KOMSAS semasa melakarkan peta konsep cerpen *Kasut Kelopak Jantung*, murid memulakan dengan konsep yang umum (tema dan persoalan) kemudian diikuti dengan konsep yang lebih khusus (tentang tema dan persoalan), seterusnya diikuti dengan contoh atau huraian. Rajah 1 menunjukkan contoh lakaran peta konsep tentang tema dan persoalan dalam cerpen *Kasut Kelopak Jantung*.

METODOLOGI KAJIAN

Reka bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen. Sampel kajian ini terdiri daripada 72 orang murid Tingkatan Satu daripada dua buah sekolah menengah (sekolah A dan sekolah B) di daerah Kulim, Kedah. Subjek daripada sekolah A dipilih sebagai kumpulan eksperimen dan subjek daripada sekolah B dipilih sebagai kumpulan kawalan. Subjek daripada kedua-dua kumpulan merupakan murid yang mempunyai tahap pencapaian yang sederhana dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia berdasarkan keputusan UPSR.



Rajah 1 Lakaran Peta Konsep Tema dan Persoalan Cerpen *Kasut Kelopak Jantung*

Pengendalian Kajian

Kajian ini dijalankan selama lapan minggu. Pada minggu pertama murid kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan diberikan praujian dan soal selidik tentang minat terhadap cerpen. Mulai minggu kedua hingga minggu ketujuh murid kumpulan eksperimen diajar cerpen dengan menggunakan kaedah peta konsep dan murid kumpulan kawalan pula diajar dengan menggunakan kaedah konvensional (80 minit setiap minggu). Guru yang mengajar kumpulan eksperimen telah dilatih oleh pengkaji cara mengajar dengan menggunakan kaedah peta konsep dan diberikan rancangan pengajaran. Guru yang mengajar kumpulan kawalan tidak dilatih oleh pengkaji untuk mengajar, dan tidak dibekalkan rancangan pengajaran. Selepas pengajaran selama enam minggu (pada minggu kelapan) murid kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan diberikan pascaujian dan soal selidik tentang minat terhadap cerpen. Kandungan pascaujian sama dengan praujian.

Jadual 1 Rumusan Rangka Rancangan Pengajaran yang Menggunakan Kaedah Peta Konsep Novak

Set Induksi (5 minit)	1. Guru menunjukkan bahan rangsangan dan mengaitkannya dengan tajuk pelajaran.
Langkah 1 (10 minit)	1. Guru menjelaskan objektif pengajaran (aspek cerpen yang akan dikaji pada hari tersebut). 2. Guru mengemukakan beberapa soalan tersurat untuk menguji pemahaman murid tentang cerpen yang dikaji.
Langkah 2 (15 minit)	1. Guru menyoal murid tentang aspek yang dikaji dan guru mengukuhkan jawapan murid. 2. Guru meminta murid membentuk 4 kumpulan. 3. Guru menyuruh murid bergerak dalam kumpulan yang ditetapkan (5 pelajar dalam satu kumpulan) dan menyiapkan tugas dalam bentuk lakaran peta konsep. 4. Guru bertindak sebagai fasilitator.
Langkah 3 (25 minit)	1. Murid merujuk buku teks dan melakarkan jawapan dalam bentuk peta konsep. 2. Setiap kumpulan diberikan kertas majong. 3. Setiap kumpulan mengorganisasikan maklumat dan menghasilkan peta konsep. 4. Semasa murid membina peta konsep guru membimbing murid.
Langkah 4 (20 minit)	1. Wakil kumpulan diminta membentangkan hasil perbincangan kumpulan masing-masing. 2. Guru mengukuhkan jawapan murid dengan lakaran peta konsep.
Penutup (5 minit)	1. Guru memilih beberapa orang murid secara rawak untuk merumuskan pelajaran. 2. Guru mengukuhkan isi pelajaran. 3. Guru seterusnya memberikan kerja rumah dalam bentuk lakaran peta konsep.

Alat Ukur

Alat ukur yang digunakan dalam kajian ini ialah

1. Ujian Pra dan ujian Pasca
2. Soal selidik tentang minat murid terhadap KOMSAS

Bagi mendapatkan kesahan ujian, pengkaji memastikan soalan-soalan yang dipilih adalah bersesuaian dengan tahap kebolehan murid

Tingkatan Satu. Dua orang guru mata pelajaran Bahasa Malaysia yang terlatih dan mempunyai pengalaman melebihi lima tahun telah menyemak soalan-soalan KOMSAS untuk memastikan soalan-soalan tersebut sesuai dengan kebolehan murid Tingkatan Satu. Skema jawapan dan pemberian markah untuk soalan juga disediakan oleh pengkaji setelah berbincang dengan dua orang guru tersebut untuk memastikan tahap soalan setaraf dengan kebolehan murid Tingkatan Satu. Guru tersebut tidak ada kaitan dengan subjek kajian. Soalan-soalan untuk praujian dan pascaujian adalah berdasarkan tiga buah cerpen berikut,

1. *Kasut Kelopak Jantung*
2. *Tempang*
3. *Tukang Lama*

Bagi setiap cerpen, pengkaji telah menyediakan lima soalan tersurat (berbentuk objektif), satu soalan struktur tentang tema, satu soalan struktur tentang persoalan, satu soalan struktur tentang perwatakan, dan satu soalan struktur tentang latar masyarakat. Bagi soalan tersurat, jawapannya didapati pada permukaan cerpen, manakala untuk soalan tentang tema, persoalan, perwatakan, serta latar masyarakat jawapannya tidak terdapat pada permukaan cerpen kerana jawapannya adalah tersirat dan pelajar perlu membuat analisis. Masa yang diperuntukkan untuk ujian tersebut ialah 80 minit.

Soal selidik tentang minat terhadap pembelajaran KOMSAS Bahasa Malaysia terdiri daripada 10 item berdasarkan Skala Likert. Pengkaji telah mengambil 10 item daripada soal selidik yang digunakan oleh Malar (2004) dalam kajiannya dan mengubahsuainya untuk kajian ini. Skor untuk setiap respons terhadap soal selidik diberi berdasarkan skala Likert empat mata yang mempunyai julat nilai 1 hingga 4. Skor setiap murid bagi minat terhadap cerpen KOMSAS diperolehi dengan menjumlah mata bagi 10 item tersebut.

Kajian Rintis

Satu kajian rintis dijalankan untuk mendapatkan kebolehpercayaannya dan kesahan bagi kedua-dua instrumen (praujian/ pascaujian dan soal selidik minat) yang digunakan dalam kajian. Dapatan kajian rintis ini menunjukkan bahawa murid dapat memahami segala arahan dan

kehendak soalan dalam praujian/pascaujian dan soal selidik. Masa yang diperuntukkan bagi praujian/pascaujian dan soal selidik juga didapati mencukupi bagi murid menjawab soalan-soalan tersebut. Koefisien kebolehpercayaan yang telah digunakan ialah "Cronbach's Alpha". Nilai alpha bagi soal selidik dalam kajian ini ialah 0.79. Dapatan tersebut menunjukkan item soal selidik tentang minat mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan untuk kajian.

Analisis Data dan Perbincangan

Data yang telah diperolehi daripada praujian, pascaujian dan soal selidik telah diproses dengan menggunakan Program SPSS WINDOWS versi 11.0. Ujian-t digunakan untuk melihat kesan pengajaran dengan menggunakan kaedah peta konsep dan kaedah konvensional terhadap pencapaian murid dan minat murid terhadap cerpen KOMSAS.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Hipotesis 1

Ho 1: Tiada perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan bagi soalan tersurat.

Jadual 2 Perbandingan Min Pencapaian bagi Soalan Tersurat dalam ujian Pasca

Kumpulan	N	Min	SD	Perbezaan Min	Nilai-t	df	Nilai p
Eksperimen	37	11.81	1.45	5.9	19.911	70	0.000
Kawalan	35	5.91	1.01				

Tahap signifikan adalah pada aras $p < 0.05$.

Dapatan praujian menjelaskan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min pencapaian murid kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan bagi soalan tersurat dalam praujian. (nilai $-t = 1.151$, $df = 70$, $p = 0.254$). Analisis data ujian pasca (Jadual 2) menjelaskan terdapat

perbezaan yang signifikan antara pencapaian kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dalam pascaujian (nilai-t =19.911, df=70, p=0.000). Oleh yang demikian hipotesis nol yang pertama ditolak. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pengajaran cerpen KOMSAS bahasa Malaysia dengan menggunakan kaedah peta konsep telah membantu murid kumpulan eksperimen mencapai pencapaian yang lebih tinggi dan signifikan bagi soalan tersurat berbanding dengan kumpulan kawalan yang diajar dengan menggunakan kaedah konvensional. Dapatan kajian ini juga menyokong dapatan kajian Alters dan Nelson (2002) yang menjelaskan kaedah peta konsep Novak (1984) membantu murid menghubungkan pengetahuan yang baru ke dalam pengetahuan yang sedia ada. Sebelum melakar peta konsep murid akan berfikir untuk menyelesaikan masalah, menjana idea dan membuat keputusan bagi menghadapi pelbagai cabaran. Semasa melakar peta konsep murid berupaya menstruktur, menghuraikan, dan menghubungkan konsep dan pengetahuan yang dipelajari, Dengan cara ini murid dapat menghasilkan pembelajaran bermakna dan ini meningkatkan pemahaman mereka (Novak, 1990; Ausubel, 1963).

Hipotesis 2

Ho 2: Tiada perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan bagi soalan tentang tema.

Jadual 3 Perbandingan Min Pencapaian bagi Soalan tentang Tema dalam Pascaujian.

Kumpulan	N	Min	SD	Perbezaan Min	Nilai-t	df	Nilai p
Eksperimen	37	4.92	0.98	0.63	2.953	70	0.004
Kawalan	35	4.29	0.83				

Tahap signifikan adalah pada aras $p < 0.05$.

Dapatan praujian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam min pencapaian murid kumpulan eksperimen dan kumpulan kawalan bagi soalan tentang tema (nilai-t =0.227, df=70, p=0.821). Jadual 3 menjelaskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara min kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan

bagi soalan tentang tema dalam pascaujian (nilai- $t=2.953$, $df=70$, $p=0.004$). Oleh yang demikian hipotesis nol yang kedua ditolak. Dapatan ini menjelaskan pengajaran cerpen dengan penggunaan kaedah peta konsep telah membantu murid kumpulan eksperimen untuk mencapai pencapaian yang lebih tinggi dan signifikan bagi soalan tentang tema berbanding dengan kumpulan kawalan. Dapatan kajian ini selari dengan dapatan kajian Asan (2007) yang menjelaskan bahawa penggunaan kaedah peta konsep dapat meningkatkan pemahaman konsep murid dalam bidang akademik. Melalui lakaran peta konsep murid dapat memahami tema cerpen dengan jelas kerana murid dapat menghubungkaitkan tema, huraian tema dan contoh-contoh khusus tentang tema dalam cerpen yang dikaji.

Hipotesis 3

Ho 3: Tiada perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan bagi soalan tentang persoalan.

Jadual 4 . Perbandingan Min Pencapaian bagi Soalan tentang Persoalan dalam Ujian Pasca

Kumpulan	N	Min	SD	Perbezaan Min	Nilai-t	df	P
Eksperimen	37	4.65	0.98	1.45	7.928	70	0.000
Kawalan	35	3.20	0.47				

Tahap signifikan adalah pada aras $p < 0.05$.

Dapatan praujian memaparkan tiada perbezaan yang signifikan antara pencapaian kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan bagi soalan tentang persoalan dalam (nilai- $t= -0.392$, $df=70$, $p=0.696$). Jadual 4 menjelaskan selepas penggunaan kaedah peta konsep terdapat perbezaan signifikan antara min kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan bagi soalan tentang persoalan (nilai- $t=7.928$, $df=70$, $p=0.000$). Dapatan ini membolehkan hipotesis nol yang ketiga ditolak. Dapatan kajian ini menunjukkan pengajaran cerpen dengan menggunakan kaedah peta konsep telah membantu murid kumpulan eksperimen untuk memperoleh pencapaian yang lebih tinggi dan signifikan bagi soalan tentang persoalan berbanding

dengan kumpulan kawalan yang diajar dengan menggunakan kaedah konvensional. Dapatan ini menyokong dapatan kajian Vanides *et al.* (2005) yang menunjukkan kaedah peta konsep membantu murid mengintegrasikan konsep-konsep yang penting dan menyusunnya secara hierarki. Semasa melakar peta konsep tentang persoalan dalam cerpen, murid dapat mengaktifkan pengetahuan sedia ada untuk menyusun konsep persoalan dan contohnya dalam lakaran peta konsep.

Hipotesis 4

Ho 4: Tiada perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan bagi soalan tentang perwatakan.

Jadual 5 Perbandingan Min Pencapaian bagi Soalan tentang Perwatakan dalam Ujian Pasca

Kumpulan	N	Min	SD	Perbezaan Min	Nilai-t	df	Nilai p
Eksperimen	37	4.86	1.08	1.75	9.172	70	0.000
Kawalan	35	3.11	0.32				

Tahap signifikan adalah pada aras $p < 0.05$.

Dapatan praujian menjelaskan tiada perbezaan yang signifikan antara pencapaian kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan bagi soalan tentang perwatakan dalam praujian (nilai-t = 0.022, df=70, p=0.983). Dapatan pascaujian (Jadual 5) pula menjelaskan selepas pengajaran dengan menggunakan kaedah peta konsep pencapaian kumpulan eksperimen telah meningkat secara signifikan berbanding dengan kumpulan kawalan (nilai-t = 9.172, df= 70, p= 0.000).

Oleh yang demikian hipotesis nol yang keempat ditolak. Dapatan ini juga menunjukkan pengajaran cerpen KOMSAS Bahasa Malaysia secara terancang dengan menggunakan kaedah peta konsep telah membantu murid kumpulan eksperimen untuk memperoleh pencapaian yang lebih tinggi dan signifikan bagi soalan tentang perwatakan berbanding dengan kumpulan kawalan yang menggunakan kaedah konvensional. Penggunaan kaedah peta konsep telah membantu murid memahami ciri-ciri perwatakan watak-watak dalam cerpen dengan lebih jelas dan tersusun kerana murid terlibat secara aktif dalam pembelajaran.

Hipotesis 5

Ho 5: Tiada perbezaan yang signifikan antara pencapaian murid kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan bagi soalan tentang latar masyarakat.

Jadual 6 Perbandingan Min Pencapaian bagi Soalan tentang Latar Masyarakat dalam Ujian Pasca

Kumpulan	N	Min	SD	Perbezaan Min	Nilai-t	df	Nilai p
Eksperimen	37	4.54	0.87	0.6	3.159	70	0.002
Kawalan	35	3.94	0.73				

Tahap signifikan adalah pada aras $p < 0.05$.

Dapatan ujian pra menjelaskan tiada perbezaan yang signifikan antara pencapaian kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan bagi soalan tentang latar masyarakat dalam ujian pra (nilai-t = 0.941, $df = 70$, $p = 0.350$). Dapatan pasca ujian dalam Jadual 6 menunjukkan selepas pengajaran dengan menggunakan kaedah peta konsep terdapat perbezaan signifikan antara pencapaian kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan bagi soalan tentang latar masyarakat (nilai-t = 3.159, $df = 70$, $p = 0.002$). Dalam kaedah peta konsep, murid dapat menghubungkan pengetahuan baru tentang latar masyarakat dalam cerpen dengan pengetahuan sedia ada murid dan ini membolehkan murid membina konsep latar masyarakat dengan lebih bermakna. Dapatan ini selari dengan dapatan Neelaveni (2010), Moganasundari (2011) yang menjelaskan lakaran peta konsep membantu murid untuk membina konsep yang jelas.

Hipotesis 6

Ho 6: Tiada perbezaan yang signifikan antara skor min minat kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan terhadap pembelajaran cerpen.

Jadual 7 Perbandingan min skor minat murid terhadap cerpen KOMSAS selepas pengajaran

Kumpulan	N	Min	SD	Perbezaan Min	Nilai-t	Df	P
Eksperimen	37	30.92	2.31	11.98	17.140	70	0.000
Kawalan	35	18.94	3.52				

Tahap signifikan adalah pada aras $p < 0.05$.

Dapatan praujian menjelaskan tiada perbezaan yang signifikan antara min minat kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan (nilai-t = 0.914, df= 70, p= 0.364). Jadual 7 menjelaskan terdapat perbezaan signifikan antara min minat kumpulan eksperimen dengan kumpulan kawalan dari segi minat terhadap cerpen KOMSAS Bahasa Malaysia selepas pengajaran dengan menggunakan kaedah peta konsep (nilai-t = 17.140, df= 70, p= 0.000). Oleh yang demikian hipotesis nol yang keenam ditolak. Dapatan kajian menunjukkan minat murid kumpulan eksperimen terhadap cerpen KOMSAS telah meningkat secara signifikan berbanding dengan kumpulan kawalan selepas pengajaran dengan menggunakan kaedah peta konsep. Dapatan kajian ini juga selaras dengan kajian Novak dan Gowin (1984) yang menjelaskan kaedah peta konsep dapat meningkatkan minat dan keyakinan murid dalam sesuatu mata pelajaran. Dapatan kajian Tirumalar (2006) dan Moganasundari (2011) turut menunjukkan kaedah konsep map dapat meningkatkan pencapaian murid dalam bidang akademik dan secara langsung meningkatkan minat murid terhadap mata pelajaran yang dipelajari.

KESIMPULAN

Kajian ini memberi beberapa implikasi terhadap pengajaran pembelajaran cerpen KOMSAS Bahasa Malaysia Tingkatan Satu. Dapatan kajian menunjukkan penggunaan kaedah peta konsep Novak dalam pengajaran cerpen KOMSAS dapat membantu murid memahami konsep-konsep cerpen dan menguasai isi kandungan cerpen KOMSAS dengan lebih baik. Kajian ini menunjukkan kaedah peta konsep membantu murid menjawab soalan tersurat, dan soalan

tersirat (tema, persoalan, perwatakan, dan latar masyarakat) dalam cerpen dengan lebih baik dan signifikan berbanding dengan kumpulan kawalan. Kaedah peta konsep juga telah membantu murid membina konsep yang jelas tentang aspek-aspek yang dikaji dalam cerpen. Selain itu, dapatan kajian ini menjelaskan penggunaan kaedah peta konsep dapat meningkatkan minat murid terhadap pembelajaran cerpen. Kaedah peta konsep dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran KOMSAS Bahasa Malaysia lebih berpusatkan murid, menarik, dan murid suka melibatkan diri dalam aktiviti melakar peta konsep. Kaedah ini boleh dijadikan sebagai satu alternatif oleh guru dan bakal guru dalam pengajaran cerpen KOMSAS.

RUJUKAN

- A.Ghafar Ibrahim (2002). Menggenerasikan sastera dalam kalangan pelajar. *Dewan Sastera*. Mei, hlm 24-36.
- Alters, B. J. & Nelson, C. E. (2002). Perspective: teaching evolution in higher education. *Evolution*. 56(10), 1891-1901.
- Asan, A. (2007). Concept mapping in science class: a case study of fifth grade Students Oman. *Educational Technology & Society*, 10 (1), 186-195.
- Ausubel, D. P. (1963). *The psychology of meaningful verbal learning*. New York: Grune and Stratton.
- Ausubel, D. P. (1968). *Educational psychology. A Cognitive view*. New York: Holt, Rinehart and Winston.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2001). *Huraian sukatan pelajaran Bahasa Malaysia*, Tingkatan Satu. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Malar Mutiah (2004). *Keberkesanan penggunaan model konstruktivisme Lima Fasa Needham (1987) dalam pembelajaran Sejarah Tingkatan Empat*. Laporan Praktikum M.Ed. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia (Tidak diterbitkan).
- Mason, C. (1992). Concept mapping: a tool to develop reflective science instruction. *Science Education* 76: 51-63.
- Mintzes, J. J. Wandersee, J. H. & Novak, J. D. (2000). *Assessing science understanding: A human constructivist view*. San Diego: Academic Press.
- Moganasundari a/p Narayanasamy (2011), *Kesan penggunaan kaedah peta konsep terhadap pencapaian dan minat murid Tingkatan Dua dalam mata pelajaran Sejarah*. Praktikum M.Ed, Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

- Mohd Kassim Ismail (1995). Pendidikan Kesusasteraan Dalam Mata Pelajaran Bahasa Melayu Kurikulum Bersepadu. *Kertas Kerja Konvensyen Pendidikan Bahasa Melayu Ke-VI*. Kuala Lumpur: Institut Bahasa.
- Neelaveni a/p Subramaniam (2010). *Kesan penggunaan kaedah peta konsep Novak (1984) terhadap pencapaian dan minat murid Tingkatan Empat dalam Sejarah*. Praktikum M.Ed, Pusat Pengajian Pendidikan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Novak, J. D., & Gowin, D. B. (1984). *Learning how to learn*. New York, NY: Cambridge University Press.
- Novak, J. D. (1990). Concept maps and Vee diagrams : Two metacognitive tools for science and mathematics education. *Instructional Science*, 19, 29-52.
- Novak, J. D., & Canas J. A. (2006). The theory underlying concept maps and how to construct them. <http://cmap.ihmc.us/Publications/ResearchPapers/TheoryCmaps/TheoryUnderlyingConcept>. Diakses pada 5/8/2012.
- Novak, J. D., & Gowin, D. B.(1984). *Learning How To Learn*. New York, NY: Cambridge University Press.
- Novak, J. D., & Wandersee, J. (1991). Coeditors, Special Issue on Concept Mapping. *Journal of Research in Science Teaching*, 28 (10).
- Quinn, H. J., Mintzes, J., Laws, R. A. (2004). Successive concept mapping. *Journal of College Science Teaching; Research Library*.
- Saedah Siraj (1991). Penggunaan bahan sastera dalam pendidikan bahasa. *Seminar Bahasa dan Sastera dalam Pendidikan ke-VII*. 20 -22 Mei 1991.
- Thirumalar a/p Karupanna. (2006). *Kesan penggunaan teknik konsep map terhadap pencapaian dan minat pelajar dalam Sejarah*. Praktikum M.Ed. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Vanides, J., Yin, Y., Tomita, M., & Ruiz-Primo, M. A. (2005). Using concept maps in the science classroom. *Sci Scope 28 no8 Summ*. Diakses pada 6/6/2012.
- Villalon, J. J. & Calvo, R.A. (2011). Concept maps as cognitive visualization of writing assignments. *Educational Technology& Society*, 14(3), 16-27.
- Zahirah Abdul Aziz (2002). Teknik pengajaran dan pembelajaran komponen sastera dalam bilik darjah. *Prosiding Seminar Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS*, Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan: Pulau Pinang.
- Zahirah Abdul Aziz & Kamaruzaman Abdullah. (2001). "Pengajaran KOMSAS dalam mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah menengah. *Kertas Seminar Anjuran DBP, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Institut Bahasa Melayu Malaysia 11-13 Jun*.